

Bukan Melayu perlu digerak

Oleh ANWAR IBRAHIM

Sedutan ucapannya selaku Menteri Kebudayaan di majlis penyampaian Anugerah Cerpen dan Sastra Eso-Gopena 1982 pada hari Jumaat 22 Julai 1983.



PEMENANG pertama Hadiah Novel Remaja Enik Maarof Mahmud, menerima cek bernilai \$8,000 dari Menteri Kebudayaan Belia Dan Sukan, Enik Anwar Ibrahim. Enik Maarof Mahmud memenangi hadiah pertama tersebut dengan novelnya "Anak Din Biala."

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



ANTARA hadirin di majlis penyampaian Anugerah Cerpen dan Sastra Eso-Gopena 82 termasuk pemenang-pemenang bahagian cerpen Enik Baharuddin Kahar

(pertama, kiri) Enik Shapiai Mohd. Ramly (ketiga, dua dari kanan) dan Enik Sujaidi Dusku (kedua, kanan skakli).

DENGAN penyampaian hadiah pada malam ini, Gapena dan Eso telah berjaya selangkah lagi untuk menyebarkan penghasilan karya-karya sastera kebangsaan. Kita sangat berbangga dengan usaha-usaha seperti ini kerana ia dapat mendorong dan memupuk semangat penulis-penulis tanahair.

Keghairahan dan kesungguhan Gapena bekerjasama dengan agensi-agensi lain bagi menyediakan berbagai-bagai hadiah ini tentulah mempunyai hasrat dan matlamat tertentu.

Saya kira, ada dua matlamat terbesar. Pertama, untuk melahirkan karya-karya yang bermutu dari penulis-penulis tanahair yang akan menjadi bacaan, rujukan dan pembinaan intelektualisme budaya dalam masyarakat dan akan menjadi warisan yang amat berharga untuk generasi akan datang.

Kedua, sebagai galakan dan penghormatan kepada para penulis tanahair di samping memupuk bakat-bakat baru.

Jeladalah bahawa semua usaha begini adalah untuk membina *milieu* yang sihat bagi memupuk proses kreatif.

Kita percaya, minat dan daya mencipta akan lebih subur dalam suasana yang menggalakan dan mengizinkan. Dalam sejarah sastera dunia memang ada karya-karya besar yang lahir dalam suasana dan kehidupan yang terjepit. Tetapi waktu itu mereka itu tidak mempunyai pilihan lain.

Dalam keadaan kita sekarang, kita tidak akan membiarkan selagi kita mampu, para pencipta kita terlunta dan terjepit oleh masalah-masalah yang boleh membunuh bakat mereka.

Kita percaya bahawa Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, dengan kerjasama erat dari perkumpulan budaya dan sastera, akan dapat membina dan menggerakkan *cultural literacy* (kecekilian pada kebudayaan) yang menyeluruh di kalangan rakyat;

atau kesedaran untuk menghayati unsur-unsur kebudayaan yang dapat membina keluhuran kebudayaan, yang dapat membina keluhuran jiwa dan keluhuran semangat.

Apabila kesedaran ini sudah menyeluruh, soal mutu atau nilai, baik keindahan atau keluhuran — estetik dan saintifik — dengan sendirinya akan meningkat. Rakyat akan menjadi lebih memilih dalam lapangan penciptaan atau penerimaan. Secara langsung dan tidak langsung proses ini juga akan menyediakan pasaran yang cukup luas bagi hasil-hasil para pencipta kita.

Kita percaya, apabila pasaran budaya dan sastera terbuka seluas-luasnya, sasterawan-sasterawan kita akan mendapat sokongan dan dorongan yang benar-benar hakiki.

Pada tahun 1983 ini, misalnya, Kementerian telah memilih "Pendidikan Budaya" sebagai tema yang akan kita gerakkan.

Memerah otak

Kita sedar bahawa salah satu masalah kebudayaan selama ini ialah kurangnya komunikasi budaya dan kesedaran kebudayaan. Melalui pendidikan kebudayaan ini, kita berharap pergerakan *cultural literacy* kita akan bermula.

Seperi bidang-bidang lain dalam kebudayaan masyarakat kita, kita sedang berusaha untuk mengurangkan "pikiran subsidi" di kalangan rakyat. Kita berharap para penulis, sebagai pembekut, akan menghasilkan karya-karya untuk membentuk cara hidup dan kegiatan hari-hari.

Untuk mencapai matlamat itu, para peminat ini perlu mengasah fikiran dan mendalami pengetahuan dalam soal agama, ekonomi, teknologi atau politik. Cara paling mudah dan yang boleh dilakukan oleh semua orang ialah membaca. Para penulis dan anak-anak muda kita hendaklah rakus membaca dalam semua bidang.

Seorang penulis yang arif cuma dalam

satu bidang yang digemarnya akan mempunyai visi yang terhad. Jadi sumbangnya juga terhad. Dan kerana itu penghormatan yang diterimanya juga terhad.

Kita ingin melihat persoalan begini sebagai proses pencernaan di dimensi baru bagi gerakan kebudayaan. Pemikir-pemikir budaya dan sastera haruslah memerah otak bagi merencanakan program dan mencari pilihan dan keruwajutan-kemungkinan (*alternative and possibilities*) yang dapat kita laksanakan.

Misalnya, kita tidak dapat menahkapi para arkitek dalam Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) supaya membina bangunan-bangunan yang mencerminkan kebudayaan kebangsaan jika kita sendiri tidak begitu faham apakah unsur-unsur yang kita kehendaki itu. Apakah bumbung rumah Minangkabau saja? Atau letak keubung sanasini?

Jadi dalam soal bangunan saja, misalnya, banyak lagi yang perlu dibuat oleh pemikir-pemikir budaya. Kita mengharaplah mereka akan membantu Kementerian untuk mengumpul simbol-simbol atau bentuk-bentuk kebudayaan yang boleh diketeghrakkan.

Kita sudah kesuntukan masa. Kiranya itu, semuanya patut diusahakan secepat mungkin. Perlaknaan segala program ini pula perlu dibuat di seluruh negara. Tentulah kita tidak ingin melihat hanya Kuala Lumpur memancarkan unsur-unsur kebudayaan kebangsaan atau menjadi kota kebudayaan. Di Alor Setar, Ipoh, Kuantan, Pulau Pinang lebih-lebih lagi, Kota Kinabalu dan Kuching harus segera diserapkan unsur-unsur teraebut.

Ini baru satu cabang saja. Banyak lagi cabang kebudayaan yang perlu mendapat penggalakan dan penerangan. Saya ingin menegaskan bahawa semua program ini tidak mempunyai keparakan yang cukup untuk melaksanakan semua rancangan kebudayaan antara orang-orang Melayu.

Jadi kita sangat berharap supaya pemikir budaya dan sastera seperti saudara-saudara ini membantu kita. Marilah kita bergandeng bahu dalam semangat persyarikatan Malaysia melaksanakan program budaya melalui "Persyarikatan Budaya."

Untuk lebih berhasil kita juga harus berusaha lebih kuat untuk menarik minat orang-orang bukan Melayu supaya menyerta perjuangan kita. Kita perlu segera menggerakkan perhubungan dan tukar fikiran kebudayaan (*cultural communication*) yang berencana antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu.

Pada pengamatan saya waktu ini ada semangat "jurang kefahaman antara budaya" (*cross-cultural communication gap*) antara kita. Bila pertubuhan seperti Gopena dianjurkan seminar-seminar kebudayaan misalnya, golongan bukan Melayu sebahagiannya pula mengadakan seminar-kebudayaan mereka sendiri.

Ini satu arah yang tidak sihat, satu sikap bebal. Kita perlu mengambil berat akan soal-masalah dan berusaha mencari jalan untuk membetulkan pengarahannya ini. Kita perlu mengambil sikap sebagai pemimpin-pemimpin kebudayaan dalam erti yang sebenarnya.

Jikalau kita terus membiarkan goongan budaya sukuan bergiat sendiri dan di luar kepak pengaruh kita, kita akhirnya akan menjadi pemimpin-pemimpin pinggir akan parti pemimpin budaya sukuan yang purapura sebagai pemimpin kebudayaan kebangsaan.

Kita perlu segera berikhtiar beramasama supaya mereka menjadi peserta-peserta yang cergas dalam kegiatan kebudayaan kebangsaan kita. Kita tidak boleh lagi membiarkan mereka menjadi penonton semata-mata. Jikalau kita inginkan generasi baru yang berkebudayaan Malaysia.

Saya percaya kita akan mendapat banyak manfaat daripada usaha ini. Pertama dan terpenting ialah kita akan dapat menanamkan asas-kefahaman yang lebih jelas mengenai dasar-dasar kebudayaan kebangsaan.

Insyallah dengan kefahaman yang betul orang-orang bukan Melayu tidak akan meratandikan kita. Bak kata orang-orang tua kita yang bijaksana — tak kenal maka tak cinta.